

03/05/1997

Pelantikan bakal Menteri Besar disambut baik

KUALA LUMPUR, Jumaat - Pemilihan Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Selangor, Datuk Abu Hassan Omar sebagai calon Menteri Besar Selangor yang baru disambut baik oleh pelbagai lapisan pemimpin.

Mereka yakin Abu Hassan yang juga Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal-Ehwal Pengguna mampu melaksanakan tugas yang diamanahkan itu dengan cemerlang berdasarkan rekod perkhidmatannya dalam Kabinet.

Setiausaha Agung Umno, Datuk Sabbaruddin Chik mengucapkan tahniah kepada Abu Hassan dan menyifatkan pelantikannya sebagai Menteri Besar baru Selangor amat sesuai dan tepat.

Menurutnya, Abu Hassan berpengalaman luas, lebih-lebih lagi pernah menjadi Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri.

"Dia seorang menteri yang bagus. Saya yakin dengan pengalaman yang dimilikinya. Beliau sudah tentu tidak menghadapi masalah dengan tugas barunya," katanya di sidang akhbar Program Kecemerlangan Seni, di sini, hari ini.

Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Ahmad Zahid Hamidi turut yakin Abu Hassan dapat menterjemahkan pengalaman luas beliau itu ke dalam pentadbiran Selangor.

"Kita berharap beliau dapat memacu pembangunan Selangor dengan lebih berkesan lagi sebagaimana yang digerakkan di bawah kepimpinan Tan Sri Muhammad Muhd Taib," katanya.

Ketua Pergerakan Wanita Umno, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman menyifatkan pemilihan Abu Hassan sebagai tepat.

"Beliau mempunyai pengalaman luas dalam pentadbiran dan ini penting untuk memastikan pembangunan pesat diteruskan di Selangor.

"Wanita Umno akan bekerja keras untuk membantu Abu Hassan dalam pilihan raya kerusi Dewan Undangan Negeri Permatang supaya beliau dapat dilantik secara rasmi sebagai Menteri Besar," katanya.

Menteri Penerangan, Datuk Mohamed Rahmat pula berkata, Abu Hassan layak memegang jawatan itu kerana beliau berpengalaman luas dalam politik dan pentadbiran di Selangor.

Menurutnya, Abu Hassan juga boleh menggunakan pengalamannya sebagai anggota Kabinet untuk melaksanakan perubahan dan pembangunan di negeri berkenaan.

"Saya harap rakyat dan pemimpin Selangor menerima Abu Hassan dan menyokong beliau tanpa berbelah bahagi," katanya.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz, yakin Abu Hassan berkeupayaan meneruskan kemajuan dan pembangunan di Selangor.

"Saya mengucapkan tahniah kepada beliau dan dengan pengalaman luas sebagai ahli politik, Abu Hassan tentu tidak akan menghadapi masalah menerajui Selangor," katanya kepada pemberita di Shah Alam.

DI GEORGETOWN, pelantikan Abu Hassan sebagai Menteri Besar baru Selangor mampu memantapkan pentadbiran di peringkat negeri, kata Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Mustapa Mohamed.

"Pentadbiran dan pembangunan di peringkat negeri pastinya terus meningkat di bawah pimpinan Abu Hassan dan sekali gus menyumbang untuk memajukan negara di bawah kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad," katanya ketika ditemui di majlis penutup Bengkel Pengurusan Perniagaan Berkualiti anjuran Yayasan Bumiputera Pulau Pinang dan Institut Pengurusan Kualiti Universiti Utara Malaysia (UUM) di sebuah

hotel terkemuka di sini, hari ini.

Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon berkata, pengalaman Abu Hassan sebagai menteri selama ini sudah pasti dapat membantu beliau menjalankan tugas yang dipertanggungjawabkan ke atasnya.

"Saya mengenalinya sejak 15 tahun lalu ketika dilantik sebagai ahli Parlimen dan saya yakin beliau mampu melaksanakan tugas ini dengan baik," katanya.

DI MELAKA, Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Zin Abdul Ghani menyifatkan pemilihan Abu Hassan sebagai calon Menteri Besar Selangor adalah sesuai dengan kelayakan serta pengalaman yang dimiliki tokoh itu.

"Abu Hassan mempunyai pengalaman luas dalam pentadbiran kerajaan daripada pentadbir hingga menjadi menteri beberapa kementerian," katanya kepada pemberita selepas penyampaian bantuan peperiksaan Koperasi Pekebun Kecil Negeri Melaka di sini, petang ini.

DI SEREMBAN, Menteri Besar Negeri Sembilan, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad, berkata Perdana Menteri sudah tentu mempertimbangkan semua faktor apabila melantik Abu Hassan.

Isa percaya pelantikan Abu Hassan akan memastikan pembangunan Selangor terus maju.

Menteri Besar Pahang, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob yang turut berada di sini turut menyambut baik pelantikan Abu Hassan yang disifatkan mampu mentadbir Selangor tanpa masalah.

"Pelantikan itu juga tepat kerana beliau bukan sekadar Ahli Majlis Tertinggi Umno, malah Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Selangor," katanya selepas majlis menandatangani perjanjian pembelian air bersih antara Negeri Sembilan dan Pahang serta memorandum persefahaman persempadanan antara kedua negeri di sini, petang ini.

DI KUALA TERENGGANU, Pengerusi Eksekutif Pusat Pembangunan Pendidikan Komoditi Sdn Bhd, Datuk Mohd Idris Jauzi, berkata pengamalan kepemimpinan secara kolektif boleh memantapkan lagi corak kemajuan negeri itu.

Mengulas pelantikan Menteri Besar Selangor yang baru itu beliau berkata, Abu Hassan mempunyai pengalaman yang luas dalam pentadbiran dan politik menjadi satu eset penting untuk menuju kejayaan.

DI PASIR PUTEH, Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Zaleha Ismail, berkata beliau yakin Abu Hassan mampu menunaikan tanggungjawab memimpin Selangor dengan berkesan sesuai dengan pengalaman luasnya.

"Pemilihan itu amat tepat sekali," katanya ketika ditemui, di sini, petang ini.

DI KOTA KINABALU, Umno Sabah menyifatkan pelantikan Abu Hassan sebagai tepat pada masanya.

Setiausaha Badan Perhubungan Umno, Datuk Yahya Hussin, berkata Umno negeri, yakin pelantikan beliau akan mempercepatkan lagi usaha memacu negeri itu ke arah kejayaan khususnya dalam pembangunan ekonomi dan sosial.

"Kita sudah lihat pengalamannya yang luas dalam perhubungan antarabangsa manakala sebagai Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, beliau mengadakan pelbagai inisiatif baru antaranya menganjurkan program Inflasi Sifar," katanya selepas merasmikan Kejohanan Olahraga Majlis Sukan Sekolah Negeri Sabah (MSSN) di sini.

(END)